

## KERATAN AKHBAR

### (Bahagian Canselor)

Surat khabar: Utusan Sarawak

Hari/Tarikh: 2/11/2016

Muka surat: 12

Tajuk : UNIMAS, RSDHC tingkatkan kerjasama

## UNIMAS, RSDHC tingkatkan kerjasama

**KOTA SAMARAHAN:** Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) bersama Ramsay Sime Darby Health Care Sdn. Bhd. (RSDHC) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) semalam.

Naib Canselor UNIMAS, Prof Dato' Dr Mohamad Kadim Suadi berkata, memorandum itu akan mengukuhkan institusi itu melalui kerjasama dalam pelajai aktiviti akademik khususnya dengan memberi tumpuan kepada pelajar UNIMAS, pendedahan, pengalaman dan pembangunan di RSDHC melalui perkhidmatan hospital dan komuniti.

"MoU ini bertujuan bekerjasama dengan lebih erat lagi ke arah penambahbaikan dalam usaha mencapai kecemerlangan bidang kejururawatan serta meningkatkan akreditasi untuk Fakulti Perubatan serta Jabatan Kejururawatan, katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Menandatangani

Memorandum Persefahaman (MoU) bersama RSDHC di UNIMAS, semalam.

Kadim menambah, UNIMAS merupakan universiti yang ditubuhkan dengan misi sebagai pusat pendidikan teladan dan sebuah institusi pilihan bagi pelajar dan masyarakat.

"UNIMAS dan RSDHC mempunyai ciri yang sama iaitu komited untuk menyumbang kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti kepada masyarakat," tambahnya.

"Bagi berada dalam profesi penjagaan kesihatan dan untuk megalakkan kesihatan dan kesejahteraan dalam masyarakat, kita perlu bergerak ke hadapan bagi meneruskan kecemerlangan.

"Perkongsian pintar seperti ini membuktikan bahawa UNIMAS dan RSDHC untuk membangunkan seseorang yang lebih berpengetahuan, berdaya tahan, serta jururawat yang

berdedikasi di negeri ini sekaligus dengan fakulti akademik yang kukuh bagi menyokong penyebaran pendidikan untuk tahun yang akan datang," ujarnya.

Sehubungan itu, tujuan MoU ini ditandatangani ialah untuk bekerjasama dalam mengadakan program dan aktiviti iaitu ceramah kerjaya untuk pelajar tahun satu dan ke atas, pameran kerjaya dan wawancara kampus.

"MoU ini turut bertujuan penajaan pendidikan untuk pelajar, penempatan amali di RSDHC serta lawatan pelajar jangka pendek untuk pelbagai unit hospital," tegasnya.

Justeru, Kadim percaya persefahaman di antara UNIMAS dan RSDHC ini akan mencapai hasil yang diinginkan.

Turut hadir, Pengarah Nursing Standards and Governance RSDHC, Irene Quah. - NUR AIN OTSMAN



**MEMORANDUM...** Prof Dato' Dr Mohamad Kadim Suadi (dua kiri) bersama Irene Quah (tiga kiri) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di UNIMAS, semalam. Foto NUR AIN OTSMAN.